

**KOLEKSI NADIR PERPUSTAKAAN TUANKU BAINUN:  
BAHAN WARISAN SEJARAH DAN REKOD PERGURUAN  
YANG TIDAK TERNILAI**

**Raja Ahmad Shalaby Raja Hassan, Rusliza Yaacob,  
Siti Sumaizan Ramli & Noriha Muhammad**  
Perpustakaan Tuanku Bainun,  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
35900 Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan  
shalaby@upsi.edu.my; rusliza@upsi.edu.my;  
sumaizan@upsi.edu.my; noriham@upsi.edu.my

\* Kertas ini telah dibentangkan di *Seminar Kebangsaan Pustakawan Malaysia 2013*, 25-27 Ogos 2013, Melaka

**ABSTRACT**

*Rare collection consists of valuable materials published prior to the year 1950 which are priceless and out of print. Tuanku Bainun Library, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) houses about 4,000 rare collection items related to local history, literature and education, as well as about prominent figures associated with Sultan Idris Training College or SITC (1922-1957) era. The rare collection includes materials in English and Malay (Jawi writing). Prominent figures like O.T. Dussek, Za'ba, Ahmad Bakhtiar, Abdul Hadi Haji Hasan, Harun Aminurrashid, Awang Had Salleh, Ibrahim Haji Yaacob, Abdul Ghafar Baba, Buyong Adil, Shaharom Husain and many more are famous names in history, literature, education and politics, are fondly remembered as 'Anak Kandung' of SITC. This paper will discuss the strength of the rare collection available at Tuanku Bainun Library. The examples are books written by 'Anak Kandung' of SITC, history books written by British scholars (1800-1900), textbooks containing subject curriculum of Malay schools from the British era (1900-1957), books published by 'Pejabat Karang Mengarang' SITC (1924-1941) and 'Chendera Mata SITC' (1923-1941) magazines. In addition there are records about administration and games, Diary College Malacca 1900-1922, Diary Permainan 1923-1940, Principal's Diary SITC 1922-1950 and Record of Service and Leave Sultan Idris Training College. The rare collection constitutes a significant historical heritage which acts as important reference resources for local and overseas researchers in carrying out their research.*

**Keywords:** Rare collection; Library collection; Sultan Idris Training College; Teacher training; Teachers

**Raja Ahmad Shalaby Raja Hassan, Rusliza Yaacob,  
Siti Sumaizan Ramli & Noriha Muhammad**

### **ABSTRAK**

*Koleksi bahan nadir adalah bahan terbitan sebelum tahun 1950 yang sukar diperolehi atau habis cetak dan merupakan koleksi yang sangat bernilai. Perpustakaan Tuanku Bainun, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) mempunyai lebih kurang 4,000 koleksi nadir yang berkaitan dengan sejarah, sastera, perguruan dan rekod tokoh-tokoh guru zaman Sultan Idris Training College atau SITC (1922-1957). Koleksi nadir ini terdiri daripada bahan-bahan dalam bahasa Inggeris dan Melayu (tulisan jawi). Tokoh-tokoh seperti O.T. Dussek, Za'ba, Ahmad Bakhtiar, Abdul Hadi Haji Hasan, Harun Aminurrashid, Awang Had Salleh, Ibrahim Haji Yaacob, Abdul Ghafar Baba, Buyong Adil, Shaharom Husain, dan ramai lagi adalah di antara nama-nama besar dalam bidang sejarah, sastera, perguruan dan politik tanah air merupakan Anak Kandung SITC. Kerja ini akan membincangkan kekuatan koleksi nadir yang terdapat di Perpustakaan Tuanku Bainun, seperti buku-buku karangan Anak Kandung SITC, buku-buku sejarah karangan sarjana Inggeris (1800-1900), buku-buku teks yang mengandungi kurikulum pelajaran sekolah-sekolah Melayu di zaman British (1900-1957), buku-buku yang diterbitkan oleh Pejabat Karang Mengarang SITC (1924-1941) dan majalah Chendera Mata SITC (1923-1941). Di samping itu terdapat juga buku daftar atau rekod pentadbiran, permainan, Diary College Malacca 1900-1922, Diary Permainan 1923-1940, Principal's Diary SITC 1922-1950 dan Record of Service and Leave Sultan Idris Training College. Koleksi nadir ini menjadi warisan sejarah yang sangat bernilai dan penting untuk rujukan para penyelidik tanah air dan luar negara dalam membuat kajian atau penyelidikan.*

**Kata kunci:** Koleksi nadir; Koleksi perpustakaan; Sultan Idris Training College; Latihan guru; Guru

### **PENGENALAN**

Perpustakaan Tuanku Bainun, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) merupakan perpustakaan akademik yang menjadi salah satu pusat penyimpanan khazanah pendidikan yang terulung dan kukuh. Ini ditambah lagi dengan penubuhan Koleksi Pendidikan Malaysia dan Koleksi Arkib Universiti di perpustakaan untuk membantu dapatan dan pemuliharaan bahan-bahan yang berkaitan dengan perguruan dan pendidikan di Malaysia. Di sinilah lahirnya pusat pengajian tinggi terawal di tanah air suatu ketika dulu yang dikenali sebagai *The Sultan Idris Training College for Malay Teachers* atau lebih dikenali sebagai SITC yang dibuka dengan rasminya pada 29 November 1922.

Bahan-bahan yang berkaitan dengan pendidikan dan sukatan pelajaran terawal yang diajarkan di sekolah-sekolah Melayu sejak tahun 1900 setelah Maktab Latihan Melaka atau *Malacca Training College* (MTC) ditubuhkan masih

**Raja Ahmad Shalaby Raja Hassan, Rusliza Yaacob,  
Siti Sumaizan Ramli & Noriha Muhammad**

tersimpan dengan baik. Segala khazanah dan rekod-rekod tersebut dibawa ke SITC pada tahun 1922 apabila MTC ditutup dan dibuka pula SITC di Tanjong Malim, sebagai kesinambungan pengajian dan pelajaran bagi orang-orang Melayu.

Kertas kerja ini akan membincangkan kekuatan koleksi nadir yang terdapat di Perpustakaan Tuanku Bainun, seperti buku-buku karangan Anak Kandung<sup>1</sup> SITC, buku-buku sejarah karangan sarjana Inggeris (1800-1900), buku-buku teks yang mengandungi kurikulum pelajaran sekolah-sekolah Melayu di zaman British (1900-1950), buku-buku yang diterbitkan oleh Pejabat Karang Mengarang SITC (1924-1941) dan majalah ChenderaMataSITC (1923-1941). Topik penting lain termasuklah *Diary College Malacca* 1900-1922, *Diary Permainan* 1923-1940, *Principal's Diary* SITC 1922-1950 dan *Record of Service and Leave Sultan Idris Training College*. Kajian mengenai perguruan dan sukatan pelajaran yang diajar di sekolah-sekolah Melayu kebanyakannya berdasarkan rekod-rekod lampau ataupun bahan-bahan nadir yang terdapat di serata pelusuk tanah air. Terdapat banyak rekod dan bahan yang berkaitan dengan perguruan masih belum diterokai atau ditelaah untuk kajian para sarjana. Rekod-rekod tersebut termasuklah gambar-gambar masih tersimpan dengan keadaan baik di Perpustakaan Tuanku Bainun.

#### **Koleksi nadir di Perpustakaan Tuanku Bainun (PTB)**

Koleksi nadir di PTB boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu Nadir Umum dan Nadir Malaysiana. Nadir Umum ialah terbitan sebelum tahun 1950 dan sukar diperolehi kerana sudah habis cetakan dan tidak lagi didapati di pasaran. Bahan-bahan terbitan lama ini amat bernilai dari segi isi kandungan di mana tidak lagi wujud dalam pasaran buku dan jika ada, ia dijual dengan harga yang mahal.

Nadir Malaysiana pula ialah bahan-bahan yang mempunyai kriteria seperti berikut: (a) bahan mengenai Malaysia yang diterbitkan sebelum tahun 1950 dan sukar diperolehi di dalam negara; (b) terbitan-terbitan cetakan lama yang berkaitan dengan Malaysia dari zaman Malaya, Persekutuan Tanah Melayu, Kepulauan Melayu, *Straits Settlements*, Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dan Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu; (c) terbitan lama karangan penulis dan penyelidik dari Tanah Melayu dan (d) terbitan lama karangan penulis dan penyelidik yang berada di luar negara dalam pelbagai bahasa yang berkaitan dengan Malaysia.

Pendidikan formal di SITC bermula sejak tahun 1922 hingga 1957 apabila kursus-kursus dijalankan di maktab ini selama tiga tahun. Penuntut-penuntut yang diterima masuk menjalani latihan adalah berkelulusan Darjah VI di sekolah-sekolah Melayu. Ini adalah kerana pihak British hanya menyediakan pelajaran Melayu pada peringkat sekolah rendah sahaja. Ia sekadar menunaikan

**Raja Ahmad Shalaby Raja Hassan, Rusliza Yaacob,  
Siti Sumaizan Ramli & Noriha Muhammad**

kewajipan mereka kepada anak-anak watan sesuai dengan perjanjian-perjanjian yang ditandatangani dengan pihak istana. Pengajaran dan pengajian bahasa Melayu lebih mengutamakan kepada petua mengarang yang menitikberatkan kepada isi, gaya dan plot. Pihak pentadbir British agak berhati-hati mengenai pengajaran subjek Tawarikh. Pengajarannya banyak berdasarkan buku-buku karangan R.J. Wilkinson terutamanya teks dari *Series of Paper on Malay Subjects*.<sup>2</sup> Untuk melengkapkan pengetahuan penuntut-penuntut, mata pelajaran Ilmu Alam yang disediakan dibahagikan kepada dua iaitu Ilmu Alam dan Ilmu Bumi. Ilmu Alam meliputi perkara-perkara mengenai dunia secara ringkas, sementara Ilmu Bumi menghuraikan tentang udara, bumi serta tajuk-tajuk yang bersangkutan dengannya. Mata pelajaran Lukisan dan Tulisan dikelaskan sebagai satu kumpulan dengan wajib lulus.

Pada setiap tahun, pihak maktab menyediakan Hadiah Peraduan untuk penuntut-penuntut SITC seperti Hadiah Karang Mengarang, Pantun Berkait, Tawarikh Kedah, Tawarikh Ta'alok British, Berjenis-jenis Pengetahuan, Petah Bercakap, Anyaman Tahun III, Menganyam Gubahan dan Hadiah Lukisan. Pihak maktab ada menyediakan hadiah dalam bentuk wang ringgit bagi setiap pemenang di antara \$10 hingga \$25 bagi setiap kategori.<sup>3</sup>

Laporan berita yang ditulis dalam akhbar *New Straits Times* dan *The Malay Mail* bertarikh 29 November 1922<sup>4</sup> selepas perasmian SITC ada dinyatakan tentang kurikulum yang diajar di SITC seperti berikut:

- a. Malay Language and Literature
- b. Commercial and Physical Geography
- c. History
- d. Arithmetic and Mensuration
- e. Hygiene
- f. Agricultural Science and Gardening
- g. Drawing
- h. Music
- i. Koran
- j. Basketry and Other Handicrafts
- k. Theory and Practice of Teaching

Mengikut catatan Shaharom Husain, tempoh mata pelajaran yang diajar bagi satu-satu waktu pengajaran ialah selama 45 minit dan terdiri daripada Ilmu Kira-Kira, Ilmu Geometri, Ilmu Alam, Bahasa, Tawarikh dan Hikayat, Ilmu Tanaman, Kaedah Mengajar, Ilmu Kesihatan, Lukisan, Tulisan, Anyaman Bakul, Pengetahuan Am dan Agama.<sup>5</sup>

**Raja Ahmad Shalaby Raja Hassan, Rusliza Yaacob,  
Siti Sumaizan Ramli & Noriha Muhammad**

Bukti kepengarangan dan pengorbanan pengetua pertama SITC iaitu O.T. Dussek memajukan pendidikan vernakular Melayu dapat dilihat melalui karya-karya beliau seperti di bawah. Karya-karya ini ada yang dikarang, diterjemah atau diedit olehnya, sama ada secara individu mahupun bersama rakan-rakannya di MTC dan SITC. Buku-buku berikut boleh didapati di Perpustakaan Tuanku Bainun, UPSI :

- a. *Gula Malaka* / edited by W.S. Ebden and O.T. Dussek. Malacca: Kelly and Walsh Limited, 1913. (Buku dalam tulisan Jawi).
- b. "Speech at the Ceremonial Hair-cutting of a Young Child" / edited by O.T. Dussek. Dalam *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society (JSBRAS)* (76), Aug. 1917: 127-131.
- c. *Teka-teki* (part I & II) / O.T. Dussek. Malay Literature Series, No. 14. Singapore: Methodist Publishing House, 1918. (Buku sastera Melayu lama dalam tulisan Jawi, 166 halaman).
- d. *Kitab Hisab I* / O.T. Dussek. Singapore: Kelly & Walsh, 1918. (Buku teks matematik).
- e. "Notes on Malay Indoor Games." *JSBRAS* (80), May 1919; 69-71.
- f. *Kitab Hisab II* / O.T. Dussek. Singapore: Kelly & Walsh, 1922. (Buku teks matematik).
- g. *Kitab Pelita Mengarang, Ia-Itu Permulaan Ilmu Bahasa dan Karangan Melayu Bagi Sekolah-Sekolah Melayu*. Chet. ke-2./ terkarang oleh O.T. Dussek dan Muhammad Hashim bin Haji Talib. Singapore: Printed for S.S. & F.M.S. By Fraser & Neave, 1925. (Buku latihan dan pemahaman bahasa Melayu, 148 halaman).
- h. *Hikayat Pelandok, Ia-itu Hikayat Sang Kanchil, Cherita Pelandok Dengan Anak Memerang, Hikayat Pelandok Jenaka* / edited by O.T. Dussek. Singapore: Methodist Publishing House, 1925. (Buku bacaan umum, 124 halaman).
- i. *Kitab Ilmu Alam II. Jajahan Ta'alok British* / translated by Pejabat Karang Mengarang. Tanjong Malim: Sultan Idris Training College, 1928. (Mengandungi gambar, 200 halaman).
- j. *Kitab Pedoman Guru Penggal Yang Pertama Bagi Penggunaan Guru2 di Sekolah2 Melayu* / dikarang dan dikumpulkan oleh O.T. Dussek dan Muhammad Hashim bin Haji Talib; diterjemahkan ka bahasa Melayu oleh Pejabat Karang Mengarang Sultan Idris Training College, Tanjong Malim, 1928. The Malay School Series. (Mengandungi 192 halaman).

Pejabat Karang Mengarang (PKM) di bawah seliaan O.T. Dussek turut menterjemah dan menerbitkan buku-buku teks *The Malay School Series* dan *The Malay Home Library Series*. Buku-buku teks *The Malay School Series* yang berjaya disiapkan dari mula-mula PKM ditubuhkan (1924) hingga tahun O.T. Dussek bersara (1936) berjumlah 32 buah.<sup>6</sup> Manakala buku-buku *The Malay*

**Raja Ahmad Shalaby Raja Hassan, Rusliza Yaacob,  
Siti Sumaizan Ramli & Noriha Muhammad**

*Home Library Series* berjumlah 34 buah.<sup>7</sup> Sebahagian besar daripada buku-buku yang digunakan di sekolah-sekolah Melayu adalah hasil daripada penerbitan di PKM-SITC. Maka dapatlah dikatakan bahawa PKM memberi sumbangan yang besar dalam perkembangan pendidikan vernakular Melayu, hasil perjuangan dan jasa O.T. Dussek.

Seorang guru kanan SITC, Cikgu Abdul Hadi Haji Hassan dianggap sebagai sejarawan yang mempelopori penulisan sejarah negara dalam satu kerangka yang luas dan tersusun meliputi seluruh gugusan Kepulauan Melayu. Penulisan yang dihasilkannya bertajuk *Kitab Sejarah Alam Melayu Penggal I*, *Kitab Sejarah Alam Melayu Penggal II* dan *Kitab Sejarah Alam Melayu Penggal III*, telah dijadikan buku teks penting pelajaran Tawarikh di sekolah-sekolah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua. Karya ini merupakan hasil penulisan sejarah yang pertama oleh orang tempatan dan telah digunakan di sekolah-sekolah serta turut dijadikan rujukan umum selama puluhan tahun. Beliau juga penyusun buku *Pelbagai Cetera Melayu I*, dan *Pelbagai Cetera Melayu II* yang dijadikan bahan bacaan sekolah-sekolah Melayu. Buku ini digunakan dengan begitu meluas sehinggalah buku-buku lain mula ditulis pada tahun 1950-an.

Cikgu Zainal Abidin bin Md Ali pula merupakan guru SITC yang banyak terlibat dalam kerja-kerja penerbitan dan kepengarangan bahan-bahan bacaan. Sejak awal lagi semasa mengajar di SITC, beliau dilantik sebagai penolong penyunting majalah *Chendera Mata SITC* di bawah pimpinan Cikgu Ibrahim bin Dato' Muda Linggi dari tahun 1925 hingga 1927, dan menjadi penyunting dari tahun 1927 hingga 1932.<sup>8</sup> Pada tahun 1932, beliau dilantik memegang jawatan sebagai pengerusi Majlis Bahas Bahasa Melayu<sup>9</sup> menggantikan Pendita Za'ba yang menumpukan kerja-kerja penterjemahan di Pejabat Karang Mengarang, SITC. Berikut adalah di antara buku-buku karya beliau:-

- a. *Alaud-Din Dengan Lampu Ajaib* / Zainal-Abidin bin Ali. Tanjong Malim: Sultan Idris Training College, 1931. (Mengandungi 35 halaman).
- b. *Kitab Ilmu Kesihatan : Penggal I* / karangan Robert A. Lyster; diterjemahkan oleh Zainal-Abidin bin Ali. Tanjong Malim: Sultan Idris Training College, 1932. (Mengandungi 179 halaman).
- c. *Ilmu Kesihatan : Penggal II* / Zainal-Abidin bin Ali. Tanjong Malim: Pejabat Karang Mengarang, 1932. The Malay School Series No. 29. (Mengandungi 136 halaman).
- d. *Panduan Anak Serigala* / karangan Lord Baden-Powell; terjemahan Zainal Abidin Ali. Singapore: Gudang Chap Malaya Publishing House Ltd., 1953. (Mempunyai 227 halaman. Naskah ini dipadankan daripada *The Wolf Cub's Hand Book* oleh Lord Baden-Powell).
- e. *Bagaimana Menjalankan Pack* / terjemahan Zainal Abidin Ali. Singapore: Gudang Chap Malaya Publishing House Ltd., 1954. (Mempunyai 206

**Raja Ahmad Shalaby Raja Hassan, Rusliza Yaacob,  
Siti Sumaizan Ramli & Noriha Muhammad**

halaman. Naskah ini dipadankan daripada *How To Run A Pack* oleh Gilcraft).

- f. *Bagaimana Menjalankan Troop* / terjemahan Zainal Abidin Ali. Singapore: Malaya Publishing House Ltd., 1955. (Mengandungi 159 halaman. Naskah ini dipadankan daripada *How To Run A Troop* oleh Gilcraft).
- g. *Bintang2 Kepandaian Anak Serigala Dan Bagaimana Hendak Mendapatkannya* / terjemahan oleh Zainal Abidin Ali. Singapore: Malaya Publishing House, 1956. (Mengandungi 111 halaman. Naskah ini dipadankan daripada *The Wolf Cub's Hand Book* oleh Lord Baden Powell).

Za'ba merupakan penulis rencana dan esei yang berbakat istimewa dan gigih, sama ada dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris. Penulisannya yang begitu prolific mencakupi bidang bahasa, sastera, agama, pendidikan, ekonomi dan politik. Kegiatan penulisannya sentiasa dibendung oleh kerajaan kolonial British, terutama sepanjang dia berada di SITC. Walau bagaimanapun, dia tetap aktif dan banyak tenaganya ditumpukan ke arah penerbitan buku sekolah dan buku bacaan umum di Biro Penterjemahan SITC, selain memberi perhatian yang khusus dan lebih serius kepada usaha untuk memajukan bahasa Melayu. Beberapa buah buku penting tentang tatabahasa telah dihasilkan oleh Za'ba yang digunakan di maktab dan institusi pengajian pada masa itu, bagi mengisi kekosongan yang wujud. Antara karya beliau ialah *Ilmu Bahasa Melayu* (1926), *Rahsia Ejaan Jawi* (1929), *Pelita Mengarang* (1926), *Ilmu Mengarang Melayu* (1934), *Daftar Ejaan Melayu: Jawi-Rumi* (1938), dan tiga jilid dalam siri *Pelita Bahasa Melayu* (1941, 1946 dan 1949). Buku *Pelita Bahasa Melayu Penggal 1* diterbitkan di Singapura oleh Malaya Publishing House pada tahun 1941 merupakan buku dari The Malay School Series, No. 30 dan mempunyai 345 halaman. Buku ini yang pertama dari tiga buah buku karangan Za'ba mengenai nahu dan karang mengarang dalam bahasa Melayu. Buku ini bersama dengan dua lagi buku iaitu *Pelita Bahasa Melayu Penggal 2 dan 3* masih lagi menjadi bahan rujukan utama ahli-ahli bahasa Melayu dan sentiasa relevan dengan peredaran masa. Buku-buku tersebut ditulis untuk Jabatan Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu bagi kegunaan guru-guru dan bakal guru di maktab dan murid-murid darjah 4 dan 5. Ia mengandungi perkataan sifat, ejaan dan tulisan jawi, huruf-huruf penambah di hujung dan jenis-jenis ayat.

Antara buku-buku terawal yang menjadi rujukan di sekolah-sekolah Melayu juga masih tersimpan di perpustakaan ialah:

- a. *Kitab kiliran budi: kumpulan beberapa perumpamaan Melayu* / compiled by W.G. Shellabear. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara, 1907. (Mengandungi 246 halaman).
- b. *Kitab permulaan pertuturan Melayu*. Chetakan yang kedua, dalam tulisan Jawi. Mataba'ah The Ahmad Press, 1909.

**Raja Ahmad Shalaby Raja Hassan, Rusliza Yaacob,  
Siti Sumaizan Ramli & Noriha Muhammad**

Buku-buku nadir bernilai tinggi yang terdapat di PTB banyak ditulis oleh sarjana Inggeris seperti buku *The International Library of Famous Literature*. Volume I-XX (*selections from the world's great writers ancient, mediieval, and modern, with bio-graphical and explanatory notes and critical essays*). Buku ini diterbitkan di London oleh *The Standard* pada tahun 1900. Penulis buku ini terdiri daripada tokoh-tokoh terkenal dalam dunia dan Dr. Richard Garnett, pengarah di British Museum (1851-1899) merupakan editor. Buku ini mengandungi nota-nota penerangan, esei-esei terpilih, karya-karya agung dan gambar-gambar ahli falsafah tersohor dari serata pelusuk dunia sejak zaman purba, pertengahan dan moden; sama ada mengenai ahli falsafah itu sendiri seperti Herodotus, Plutarch, Plato, Socrates, Alexander the Great dan William Shakespeare atau karya-karyanya. Di antara karya-karya agung yang terdapat dalam buku ini ialah:

*Volume I*

*Aphorisms on life* / by Francis Bacon, mukasurat 116.

*The heroes at Troy* / by William Shakespeare, mukasurat 170.

*The greatness of Athens* / by Thucydides, mukasurat 412.

*List of illustrations: Buddha, Moses, Hector, Ulysses, Tuno, Theseus, Zeus, Hercules dan Homer.*

*Volume II*

*The Story of Croesus* / by Herodotus.

*The Isles of Greece* / by Lord Byron.

*The trial of Socrates* / by Plato.

*Alexander at his best and worst* / by Plutarch.

*Alexander the Great* / by J.P. Mahaffy.

*The dying Gladiator* / by Lord Byron.

*Julius Caesar* / by Shakespeare.

*List of illustrations: Herodotus, Plutarch, Sophocles, Socrates, Demosthenes, Alexander the Great, Cicero.*

*Volume III*

*Rubaiyet* / by Omar Khayyam.

*The story of Ali Baba and the forty robbers destroyed by a slave* / from *The Arabian Nights*.

*The destruction of Pompeii* / by Bulwer-Lytton.

*The Gladiators* / G.J. Whyte Melville.

*List of illustrations: Dante & Virgil, Nero, Mohammed at Mecca.*

*Volume IV*

*The capture of Jerusalem* / by Edward Gibbon.

*The Fourty Crusade* / by Margaret Oliphant.



**Raja Ahmad Shalaby Raja Hassan, Rusliza Yaacob,  
Siti Sumaizan Ramli & Noriha Muhammad**

*Robin Hood and Maid Marlan before renaming* / by Thomas Love Peacock.  
*Poems* / by Dante

*Volume V*

*Columbus voyage to America* / by William Robertson.  
*The Prince* / by Niccolo Machiavelli.  
*Romeo & Juliet* / by William Shakespeare.  
*List of illustrations: Edward IV, Lord Byron, Martin Luther, John Calvin.*

*Volume VI*

*The death of King Lear* / by William Shakespeare.  
*The trial* / by William Shakespeare.  
*Into the breach* / by William Shakespeare.  
*Falstaff and the Prince* / by William Shakespeare.  
*A supplication* / by Abraham Cowley.  
*Utopia and its customs* / by Sir Thomas More.

*Volume VII*

*The man in the iron mask* / by Alexandre Dumas.  
*The clock case* / by Charles Dickens.  
*The proper qualities for a tutor* / by John Lock.  
*Of the liberty of subjects* / by Thomas Hobbes.  
*The betrayal* / by Thomas Otway.  
*List of illustrations: Joan of Arc, Montesquieu, John Dryden, John Lock, Jeremy Taylor.*

*Volume VIII*

*The monarchy of Spain* / by James Howell.  
*The castle of indolence* / by James Thomson.  
*The seasons* / by James Thomson.  
*The skeptic* / by David Hume.  
*The analogy of religion to the course of nature* / by Joseph Butker.  
*Charles XII at Bender* / by Voltaire.  
*List of illustrations: A Conan Doyle, David Hume.*

*Volume IX*

*Experience of Candide* / by Voltaire.  
*Confessions* / by Jean Jacques Rousseau.  
*The various delights and pleasures of the bodily senses, useful for mentalrecreation* / by Emanuel Swedenborg.  
*Sultan Saladin and Nathan The Wise* / by Gotthold E. Lessing.  
*The wealth of nations* / by Adam Smith.  
*List of illustrations: Voltaire, Jean Jacques Rousseau, Captain James Cook.*

**Raja Ahmad Shalaby Raja Hassan, Rusliza Yaacob,  
Siti Sumaizan Ramli & Noriha Muhammad**

*Volume X*

*Cagliostro's predictions* / by Alexandre Dumas.

*Mistakes, methods, and crimes of the French Revolution* / by Edmund Burke.

*A tale of the two cities* / by Charles Dickens.

*Episodes of the French Revolution* / by Thomas Carlyle.

*Influence of Greece on its people* / by Ernst Curtius.

*The adventures of Captain John Smith* / by Captain John Smith.

Karya-karya dalam buku ini kemudiannya diajar dalam disiplin ilmu-ilmu tertentu seperti falsafah, sains, sains sosial, sains politik, geografi, psikologi, sejarah, ekonomi, pendidikan dan kesusasteraan Inggeris di sekolah-sekolah menengah serta institut pengajian tinggi (IPT) di negara kita. Buku-buku ini ternyata sangat berguna dan menjadi bahan kajian serta perbincangan ilmiah sejak zaman dahulu kala hingga kini. Terdapat sekurang-kurangnya lima buah buku nadir lain yang melebihi usia 200 tahun dan masih berkeadaan baik tersimpan di perpustakaan. Buku-buku ini adalah untuk bacaan umum seperti yang tersenarai:

- a. *A description of Prince of Wales Island, in the Straits of Malacca with its real and probable marine establishment.* London: John Stockdale, 1805. (72 halaman).
- b. *A short account of the settlement, produce and commerce of Prince of Wales Island in the Straits of Malacca* / by Sir George Leith. London: J. Booth, 1805. (94 halaman).
- c. *A picturesque voyage to India by the way of China* / by Thomas Daniell and William Daniell. London: Longman, 1810. (Terdapat halaman yang pelbagai dan 50 helaian gambar berwarna).
- d. *Sketches, civil and military, of the Island of Java and its immediate dependence comprising interesting details of botania and authentic particulars of the celebrated poison-tree* / John Joseph Stockdale. London: J.J. Stockdale, 1812. (Terdapat 406 halaman, dengan ilustrasi dan peta).
- e. *The philosophy of nature; or the influence of scenery on the mind and heart.* London: J. Murray, 1813. (Dalam jilid I dan II).

Buku-buku nadir lain seperti yang berikut tidak kurang juga pentingnya untuk dibuat rujukan terutamanya tentang sejarah sosial masyarakat Tanah Melayu atau Kepulauan Melayu sejak tahun 1817.

- a. *The history of Java* / by Thomas Stamford Raffles. London: Black, Parbury and Allen, 1817. (Terdapat 479 halaman, ilustrasi dan peta).
- b. *History of the Indian Archipelago: containing an account of the manners, arts, languages, religions, institutions, and commerce of its inhabitants* / by John Crawfurd. Edinburgh: Archibald Constable and Co, 1820. (Terdapat 35 halaman berserta peta dan ukiran).

**Raja Ahmad Shalaby Raja Hassan, Rusliza Yaacob,  
Siti Sumaizan Ramli & Noriha Muhammad**

- c. *The Malayan Peninsula embracing its history, manners and customs, of the inhabitants, politics, natural history from its earliest records / by P.T. Begbie.* Madras: Vepery Mission Press, 1834. (Terdapat 521 halaman bersama ilustrasi dan peta).
- d. *The Eastern Seas or voyages and adventures in the Indian Archipelago in 1832,33,34, comprising a four of the Island of Java-visits to Borneo, the Malay Peninsula, Siam, ect.;also an account of the present State of Singapore with observations on the commercial resources of the Archipelago / by George Windsor Earl.* London: Wm. H. Allen and Co., 1837. (Terdapat 461 halaman berserta ilustrasi).
- e. *Narrative of the surveying voyage of H.M.S. Fly, commanded by Captain F.P. Blackwood, R.N. in Torres Starit, New Guinea and other islands of the Eastern Archipelago during the years 1842-1846 together with an excursion into the interior of the eastern part of Java / by J. Beete Jukes.* London: T & W Boone, 1847. (Terkandung dalam dua jilid).
- f. *Sarawak its inhabitants and productions being notes during a residence in that country with H. H. The Rajah Brooke / by Hugh Low.* London: Richard Bentley, 1848. (Terdapat 416 halaman bersama ilustrasi).
- g. *Five years in China from 1842 to 1847 with an account of the occupation of the Islands of Labuan and Borneo by Her Majesty's Forces / by Lieut. F. E. Forbes.* London: Richard Bentley, 1848.
- h. *Narrative of the voyage of H.M.S. Samarang during the years 1843-46; employed surveying the Island of the Easter and Archipelago / by Edward Belcher.* London: Reeve, Benham and Reeve, 1848. (Terdapat 574 halaman bersama ilustrasi dan peta).
- i. *Narrative of events in Borneo and Celebes, down to the accupation of Labuan from the Journals of James Brook, ESq. Rajah of Sarawak, and Governor of Labuan/ by Captain Rodney Mundy.* London: John Murray, Albemaile Street, 1848. (Terdapat dalam jilid I dan II, 385 halaman bersama ilustrasi dan peta).
- j. *Borneo and the Indian Archipelago with drawings of costume and scenery / by Frank S. Marryat.* London: Longman, 1848. (Terdapat 232 halaman bersama ilustrasi dan peta).

**Pejabat Karang Mengarang SITC**

Pejabat Karang Mengarang (PKM) ditubuhkan pada tahun 1924 atas daya usaha O.T. Dussek. Pada peringkat awal operasi, O.T. Dussek mendapatkan seorang sahaja penterjemah iaitu Za'ba. Pada tahun 1923, Za'ba telah pun memulakan usaha menterjemah buku-buku Inggeris di Kuala Lumpur di bawah arahan A. Small (Sir Alexander Small). Kemudian pada tahun 1924, Za'ba telah mengusulkan penubuhan satu badan menterjemah yang dinamakan Pejabat Karang Mengarang (PKM). Pejabat ini kemudiannya telah menjadi satu jabatan di SITC. Penubuhan PKM sangat kena pada tempatnya kerana pada masa itu

**Raja Ahmad Shalaby Raja Hassan, Rusliza Yaacob,  
Siti Sumaizan Ramli & Noriha Muhammad**

pusat pelajaran Melayu adalah di Tanjong Malim. PKM juga menjadi lidah rasmi yang memartabatkan dan meninggikan bahasa ibunda.

Tokoh penting yang menguruskan Pejabat Karang Mengarang SITC ialah Za'ba<sup>10</sup> yang mula berkhidmat di SITC, Tanjong Malim pada 1 April 1924. Tugas beliau di PKM ini adalah untuk menerbitkan buku-buku teks, *The Malay School Series*. Setelah selesai pada tahun 1929, Za'ba ditugaskan mengendali penerbitan buku-buku *The Malay Home Library Series*. Beliau juga diberi tugas mengetuai Bahagian Pelajaran Bahasa Melayu di SITC. Di PKM, R.O. Winstedt bertindak sebagai Pengarah, O.T. Dussek sebagai Pengarang dan Za'ba sebagai Ketua Penterjemah. Pada tahun 1930, Pejabat Karang Mengarang mengambil tiga orang lagi penterjemah pelatih iaitu Yazid bin Ahmad, Abdul Kuddus bin Muhammad dan Ahmad Murad Nasaruddin.

Selain daripada itu, terdapat beberapa tokoh lagi yang memainkan peranan sebagai penterjemah iaitu Abdul Rahman Yusop,<sup>11</sup> Othman Sulaiman, Hashim Amir Hamzah,<sup>12</sup> Yub Rawan, Mohd Said Haji Hassan, Abdul Aziz bin Din dan Abdullah bin Ali.

Antara buku-buku pertama yang dikeluarkan oleh PKM dalam tahun 1924 ialah:

- a. *Mithal Huruf Rumi* (cetakan keempat)
- b. *Baja Akal* (cetakan ketiga)
- c. *Pelampau Akal* (cetakan kedua)
- d. *Penimbau Akal* (cetakan ketiga)
- e. *Ilmu Tanam-Tanaman*, karangan A Kier, cetakan kedua telah diselenggarakan.
- f. *Chanai Bachaan*, sebuah buku bacaan dalam tulisan Jawi untuk kegunaan darjah IV.
- g. *Kitab Kumpulan Nama*, susunan Ibrahim Dato' Muda Linggi.<sup>13</sup>

A. Kier pernah membentangkan satu kertas kerja dalam *Imperial Conference on Education* 1927 berjudul *On the Training of Teachers for Vernacular Schools in the Tropics*, 29.6.27 yang dipengerusikan oleh W.G.A. Ormsby-Gore, M.P. *Parliamentary Under Secretary of State for the Colonies* di London. Dalam kertas kerja tersebut beliau menceritakan tentang Sultan Idris Training College secara umum dan juga tentang cara-cara perkebunan dijalankan di maktab ini semasa beliau menjadi instruktur Ilmu Tanaman di SITC sekitar tahun 1920-an. Kertas kerja ini kemudiannya menjadi rujukan penting di sekolah-sekolah dan pusat pengajian dalam menentukan cara-cara pertanian dijalankan.<sup>14</sup>

Kapten Yazid bin Ahmad, seorang lagi tokoh penterjemah di SITC banyak menyumbang kepada perkembangan penterjemahan buku-buku untuk kegunaan

**Raja Ahmad Shalaby Raja Hassan, Rusliza Yaacob,  
Siti Sumaizan Ramli & Noriha Muhammad**

sekolah-sekolah pada zaman pentadbiran British. Selain daripada menjalankan tugas menterjemah buku-buku bacaan untuk sekolah, Yazid juga ditugaskan mengajar bahasa Melayu dalam beberapa kelas di SITC.<sup>15</sup> Antara buku-buku terjemahan Yazid ialah:

- a. *Hikayat Sang Maharaja Singa*, terjemahan daripada buku 'Man-Eater of Tsavo' oleh J.H. Peterson. (Buku ini diterbitkan oleh Pejabat Karang Mengarang pada tahun 1929, setebal 142 halaman).
- b. *Cherita-Cherita Sherlock Holmes I*, terjemahandari pada buku 'Adventures of Sherlock Holmes I' karangan Sir Arthur Conan Doyle (1859-1930). (Buku ini diterbitkan oleh Pejabat Karang Mengarang pada tahun 1930, setebal 282 halaman).
- c. *Pulau Karang*, terjemahan daripada buku 'Coral Island' oleh Robert Michael Ballantyne (1825-1894). (Buku ini diterjemahkan dan diringkaskan ke bahasa Melayu oleh Yazid bin Ahmad dan disusun semula oleh Ahmad Kamal Abdullah. Buku ini telah diterbitkan semula oleh DBP pada tahun 1976 di bawah Siri Perpustakaan Sekolah DBP Bil. 176. Buku ini pertama kali dicetak dalam tulisan jawi oleh Pejabat Karang Mengarang (61 halaman) pada tahun 1932 dan diulang cetak pada tahun 1951).<sup>16</sup>
- d. *Ilmu Berchuchok Tanam I dan II*, selenggaraan Yazid bin Ahmad.

### **Majallah Guru dan Chendera Mata**

*Majallah Guru* merupakan sebuah majalah Melayu pertama yang diterbitkan di Tanah Melayu hasil daripada kerjasama antara Persekutuan Guru-Guru Negeri Sembilan, Melaka dan Selangor. Majalah ini mengandungi berita atau karya-karya sastera yang ditulis oleh guru-guru Melayu. Ia mempunyai pengaruh yang luas sebelum Perang Dunia Kedua serta menjadi suara rasmi guru-guru lepasan MTC dan SITC. Pada tahun 1924, *Majallah Guru* telah diterbitkan oleh Persatuan Guru-Guru Melayu Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka, manakala pengarangnya terdiri daripada guru-guru SITC iaitu Muhamad Dato' Muda Linggi, Muhammad Yusuf Ahmad dan Mohd Sidin Rashid (bekas guru MTC). Antara isu-isu yang dibangkitkan dalam *Majallah Guru* ialah peningkatan taraf hidup orang Melayu, memajukan pendidikan, bahasa dan kesusasteraan Melayu, menyeru perpaduan dan meniupkan semangat nasionalisme Melayu.

Pada sekitar tahun 1920-an, surat khabar atau majalah tidak banyak diterbitkan. Surat khabar yang ada ialah *Lembaga Melayu*,<sup>17</sup> *Warta Malaya*<sup>18</sup> dan *Majlis*.<sup>19</sup> Dengan bacaan yang terhad ini, majalah *Chendera Mata* yang dihasilkan oleh penuntut-penuntut SITC yang merupakan pelatih-pelatih guru semakin popular. Di dalamnya mengandungi segala macam tulisan untuk pengetahuan penuntut dan orang ramai. Tulisan-tulisan dalam majalah *Chendera Mata* terutamanya berita, rencana, panduan dan puisi amat digemari dan kadangkala dapat membangkitkan semangat nasionalisme dalam kalangan pembacanya. Ini termasuklah pejuang kemerdekaan terkenal iaitu Ahmad Boestamam yang

**Raja Ahmad Shalaby Raja Hassan, Rusliza Yaacob,  
Siti Sumaizan Ramli & Noriha Muhammad**

mendapat kesedaran kebangsaan melalui bahan bacaan seperti surat khabar Melayu, *Majallah Guru* dan juga *Chendera Mata* yang terdapat pada ketika itu. Beliau menulis:

“Pada ketika itu suratkhbar Melayu banyak menyiarkan rencana-rencana yang meniupkan semangat kebangsaan. Oleh yang demikian, hasil dari membaca rencana-rencana tersebut saya pun ikut ditulari semangat kebangsaan yang meluap-luap sehingga meningkat ke paras *xenophobicisme* (membenci segala yang bersifat asing).”<sup>20</sup>

Berkenaan majalah *Chendera Mata* terbitan SITC, beliau menulis:

“Kebetulan dalam majalah *Cenderamata* ini banyak terdapat rencana-rencana sumbangan pelajarannya. Sebuah daripadanya sangat menarik hati saya. Saya terterik bukan saja kerana jalan bahasanya baik dan mudah difahami tetapi juga kerana isinya yang padat terhimpun dalam satu karangan yang sederhana panjangnya. Tajuknya, kalau saya tidak silap, ialah “Hati”.<sup>21</sup>

### ***Diary College Malacca 1900-1922***

Manuskrip tulisan tangan ini merupakan dokumen terpenting dalam kita mengkaji perkembangan pendidikan di negara kita sejak tahun 1900. Ini kerana penubuhan Maktab Latihan Melaka (MTC) atau disebut sebagai College Malacca oleh kerajaan British (1786-1957) dalam usaha menyediakan guru-guru untuk sekolah-sekolah Melayu di seluruh Tanah Melayu. Selama 22 tahun MTC telah melatih guru-guru sekolah Melayu dengan cara yang teratur dan memenuhi kehendak keperluan pelajaran Melayu. Di MTC inilah dasar-dasar pelajaran kampung dan pertanian dilaksanakan oleh penjajah terhadap orang-orang Melayu.

MTC merupakan induk kepada SITC kerana selepas MTC ditutup pada tahun 1922, SITC dibuka di Tanjong Malim. Segala khazanah, peralatan, rekod-rekod dan tenaga pengajarnya telah berpindah ke Tanjong Malim demi untuk meneruskan kesinambungan pendidikan anak-anak Melayu. SITC kemudiannya meneruskan struktur, sukatan pelajaran dan tradisi MTC. Oleh sebab itu segala catatan rekod dari MTC sangat penting kerana ia satu-satunya pusat pengajian Melayu tertinggi dan terkenal sejak penubuhannya, dan dianggap sebagai universiti Melayu pada waktu itu sebelum kelahiran SITC. Hasil catatan tentang maktab ini sangat berguna untuk memberi pemahaman yang betul terhadap sejarah perguruan di Tanah Melayu.

**Raja Ahmad Shalaby Raja Hassan, Rusliza Yaacob,  
Siti Sumaizan Ramli & Noriha Muhammad**

### ***Diary Permainan 1932-1940***

Buku rekod permainan ini sangat penting untuk mengetahui kokurikulum yang diajar di sekolah-sekolah pada zaman British Malaya. Dalam buku ini dicatatkan aktiviti sukan yang terdiri daripada dua jenis iaitu Permainan Dalam dan Permainan Luar. Permainan Dalam diadakan dalam bilik darjah atau dewan, manakalah Permainan Luar disebut juga permainan padang. Di dalam buku ini juga dirangka syarat-syarat permainan dan peraturan-peraturan yang mesti diikuti oleh setiap pemain apabila perlawanan dijalankan. Berita kejayaan pasukan SITC dalam acara sukan dan laporan mengenai sesuatu permainan juga ditulis oleh guru yang bertugas. Guru yang bertanggungjawab menjaga hal ehwal sukan atau permainan disebut Setiausaha Permainan Dalam dan Setiausaha Permainan Luar. Buku ini akan disemak oleh pengetua maktab pada setiap minggu.

Permainan Dalam yang dipertandingkan pada zaman SITC termasuklah catur, dam, berenang, jimmastik, ping pong dan bahas. Manakala permainan luar pula ialah bola sepak, hoki, tenis, bulu ayam dan sepak raga. Rekod pertandingan sukan antara SITC dengan institusi lain ada dicatat di dalam buku ini. Pasukan hoki dan bola sepak SITC merupakan pasukan yang amat disegani di negara ini pada tahun 1930-an. Antara pasukan yang menjadi pencabar utama pasukan SITC ialah Victoria Institution Kuala Lumpur, Malay College Kuala Kangsar, Clifford School Kuala Kangsar, Agricultural School Serdang, Forest School Kepong, Technical School Kuala Lumpur dan Selangor Club.

### ***Principal's Diary SITC 1922-1950***

Sama seperti *Diary College Malacca 1900-1922*, rekod peristiwa harian yang berlaku di SITC ditulis dalam buku catatan, iaitu sejak dibuka sehingga tahun 1950. Pengetua pertama O.T. Dussek merupakan orang yang pertama sekali membuat catatan dalam buku ini. Beliau menjadi pengetua SITC dari tahun 1922 hingga 1936, kemudiannya diganti oleh J. Pearce (1936-1937), D.R. Swaine (1937-1939), R.P.S. Walker (1939-1941), L.D. Whitfield (1945-1948) dan E.H.S. Bretherton (1948-1949). Catatan terakhir sebelum Perang Pasifik meletus dibuat pada 17.12.1941 dan disambung semula pada 29.11.1945. Ini bererti tidak ada catatan dibuat ketika perang meletus.

Banyak fakta sejarah dirakam dalam buku ini terutamanya yang berkaitan dengan bidang perguruan seperti senarai guru, penuntut dan markah yang diperolehi, kegiatan guru dan murid-murid, pembesar-pembesar negara dan wakil-wakil kerajaan asing yang melakukan lawatan. Dari sinilah kita dapat tahu guru-guru yang mengajar di SITC dan murid-muridnya, yang kemudian muncul menjadi tokoh negara dalam pelbagai bidang. Beberapa perkara yang dapat diketahui mengenai sistem pembelajaran pada zaman British, misalnya maktab ditutup selama dua bulan kerana umat Islam berpuasa dan berhari raya. Pada

**Raja Ahmad Shalaby Raja Hassan, Rusliza Yaacob,  
Siti Sumaizan Ramli & Noriha Muhammad**

setiap bulan Safar, maktab juga ditutup dua hari kerana upacara Mandi Safar disambut di Tanjong Keling, Melaka. Manakala Syarahan Umum<sup>22</sup> telah lama dipraktikkan untuk menyampaikan ilmu kepada penuntut-penuntut seperti yang dilakukan di universiti-universiti sekarang ini. Begitu juga dengan anugerah pembiayaan seperti Hadiah Cikgu Abdul Jalil<sup>23</sup> merupakan anugerah tertinggi kepada penuntut yang cemerlang, seperti penerima Pingat Emas Canselor di universiti sekarang ini.

Perpustakaan Tuanku Bainun sebagai gedung ilmu dan rekod pendidikan amat bertuah kerana masih menyimpan buku-buku catatan seperti ini yang diwarisi sejak zaman MTC lagi. Catatan pertama yang dibuat oleh pengetua SITC dalam buku *Principal's Diary SITC 1922-1950* amat bersejarah, iaitu: "29.xi.22 – The College was formally opened by the Hon. W.G. Maxwell C.M.G., Chief Secretary."

#### **Record of Service and Leave Sultan Idris Training College**

Buku rekod ini terdapat dalam tiga jilid dan merupakan rekod perkhidmatan dan cuti guru-guru dan kakitangan SITC sejak ditubuhkan. Rekod ini amat berguna untuk mengesan perihalan yang berkaitan dengan perkhidmatan kakitangan yang berkenaan. Walaupun tidak semua nama kakitangan tersebut dicatatkan dalam buku ini, namun rekod ini banyak membantu dalam membuat biografi tokoh, kegiatan, kenaikan pangkat, cuti dan gaji. Antara tokoh-tokoh guru terkenal dari SITC yang terdapat rekodnya di dalam buku catatan ini ialah O.T. Dussek, Ahmad Bakhtiar, Za'ba, Harun Aminurrashid, Mahmud Ahmad, Buyong Adil, Zainal Abidin Md Ali, Aminuddin Baki dan Shaharom Hussain.

Buku rekod ini boleh disamakan dengan laporan sulit bagi kakitangan awam dalam perkhidmatan kerajaan pada masa sekarang. Pada zaman dahulu catatan adalah dalam bentuk buku, berbanding dengan fail sulit kakitangan awam pada zaman kini. Buku ini lazimnya dipegang oleh kerani besar yang bertanggungjawab membuat catatan, penambahan dan pindaan terhadap rekod-rekod kakitangan termasuk surat-menyurat dengan pihak luar.

#### **KESIMPULAN**

Melalui penelitian yang dijalankan, didapati bahan-bahan nadir di Perpustakaan Tuanku Bainun mempunyai nilai sejarah yang amat penting untuk penyelidikan dan pengkajian ilmu terutamanya dalam bidang perguruan dan pendidikan. Bahan-bahan dokumen atau buku-buku yang dibincangkan merupakan aset yang amat berharga dan mempunyai nilai yang tinggi dari segi kandungan ilmu dan maklumat.

Perpustakaan Tuanku Bainun tidak ketinggalan dalam mengesan, mengumpul dan memulihara bahan-bahan nadir untuk kegunaan pengkaji atau penyelidik



**Raja Ahmad Shalaby Raja Hassan, Rusliza Yaacob,  
Siti Sumaizan Ramli & Noriha Muhammad**

meneroka ilmu dalam pelbagai bidang. Anak Kandung SITC banyak menyumbang kepada keberadaan bahan-bahan nadir di PTB. Ini kerana mereka merupakan golongan terpelajar dengan menjadi guru serta mendapat tempat yang istimewa dalam masyarakat. Pandangan dan buah fikiran mereka mendapat sambutan media massa, menjadikan mereka banyak berkarya dan menyebarkan fahaman melalui penulisan. *Majallah Guru* telah membantu menyediakan ruang untuk guru-guru berkarya. Di sinilah medan utama mereka untuk menyampaikan ilmu yang bermanfaat supaya kekal mendapat ganjaran pahala walaupun telah meninggal dunia.

Perkembangan SITC-MPSI-IPSI-UPSI adalah proses evolusi dalam sistem pendidikan negara sejak zaman British hingga kini. Sesuai dengan fungsi asal penubuhan SITC pada masa itu ialah untuk melatih guru-guru Melayu bagi mengatasi masalah kekurangan guru-guru di sekolah-sekolah Melayu, maka UPSI yang mewarisi zaman kegemilangan perguruan telah mengambil tempatnya. Visi UPSI iaitu “Menjadi Universiti yang bitara, cemerlang dalam kepimpinan pendidikan berlandaskan kegemilangan sejarah serta menerajui perubahan global” - telah dirangka sedemikian rupa demi untuk memenuhi keperluan pendidikan dalam negara. Visi ini telah digalas oleh Perpustakaan Tuanku Bainun, yang merupakan jantung hati universiti, dalam menyediakan segala keperluan maklumat dan ilmu pengetahuan untuk dimanfaatkan.

#### **RUJUKAN**

- Abdul Halim Ali (2008). Sejarah Badan Penterjemah Pejabat Karang Mengarang. dalam *Kompilasi kertas kerja Persidangan Penterjemahan Antarabangsa Ke-11: Membina Kepustakaan Dalam Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.
- Abdullah Hussain & Khalid Hussain (1974). *Pendita Za'ba dalam kenangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Sanusi Ahmad (1966). *Peranan Pejabat Karang Mengarang dalam bidang2 pelajaran sekolah2 Melayu dan kesusasteraan di kalangan orang ramai*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abu Bakar Nordin, Mohd Nazari Abd. Hamid & Radzuan Abd. Kadir (2001). *Meniti Zaman SITC-MPSI-IPSI-UPSI*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara Books Sdn. Bhd.
- Adnan Nawang (1994). *Memoir Za'ba*, Kuala Lumpur: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Adnan Nawang (1994). *Za'ba patriot dan pendeta Melayu*, Kuala Lumpur: Yayasan Penataran Ilmu.
- Adnan Nawang (2007). *Za'ba dan Melayu*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ahmad Boestamam (1979). *Memoir Seorang Penulis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

**Raja Ahmad Shalaby Raja Hassan, Rusliza Yaacob,  
Siti Sumaizan Ramli & Noriha Muhammad**

- Anon (1922, November 30). *The Malay Mail*, pp. 11.
- Anon (1922, November 30). *The New Straits Times*, pp. 9.
- Chendera Mata Maktab Perguruan Sultan Idris, Bil. 18, Apr. 1932.
- Chendera Mata Maktab Perguruan Sultan Idris, Bil. 50, Dis. 1958.
- Khairuddin Haji Abdul Ghani, *SITC: Sejarah Sepintas Lalu*. Artikel tidak diterbitkan.
- Md Sidin Ahmad Ishak (2005). *Perkembangan sastera kanak-kanak di Malaysia: buku Melayu mencari nafas baru*. Kuala Lumpur: Cerdik Publications Sdn. Bhd.
- Paper on Sultan Idris Training College for the Imperial Conference on Education*, SP. 176/16/1.
- Principal's Diary Sultan Idris Training College 1922-1950*.
- Salim Haji Taib & Mahaya Mohd. Yassin (2005). *Karisma PEN: Biografi Penulis Negeri Sembilan*. Seremban: Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus dan Persatuan Penulis Negeri Sembilan (PEN).
- Shaharom Husain. (t.t). *Pembinaan dan perkembangan maktab-maktab perguruan Melayu*. Artikel tidak diterbitkan.
- Roff, W. R. (1967). *Sejarah surat-surat khabar Melayu*. Pulau Pinang: Saudara Sinaran Berhad.

**NOTA KAKI**

---

<sup>1</sup> Perkataan Anak Kandung sudah sinonim dengan SITC dan digunakan secara meluas. Orang yang mula-mula memperkenalkan perkataan ini ialah O.T. Dussek, Pengetua pertama SITC (1922-1936). Beliau menyebutnya pada tahun 1922, SITC sebagai "Universiti anak negeri dalam kandungan." Daripada kata-kata itu, maka lahirlah perkataan "Ibu Kandung" yang merujuk kepada Sultan Idris Training College. Apabila ada "Ibu Kandung", maka lahirlah "Anak Kandung" yang merujuk kepada guru-guru dan pelajar-pelajar SITC.

<sup>2</sup> Khairuddin Haji Abdul Ghani, *SITC: Sejarah Sepintas Lalu*. Artikel yang tidak diterbitkan ini ada tersimpan di Perpustakaan Tuanku Bainun.

<sup>3</sup> Sultan Idris Training College, Tanjong Malim. *Principal's Diary 1922-1950*, h. 140-141.

<sup>4</sup> *The New Straits Times*, hlm. 9 dan *The Malay Mail*, hlm. 11, bertarikh 30 November 1922.

<sup>5</sup> Shaharom Husain. (t.t). *Pembinaan dan Perkembangan Maktab-Maktab Perguruan Melayu*. Artikel tidak diterbitkan.

<sup>6</sup> Abdullah Sanusi Ahmad, 1966. *Peranan Pejabat Karang Mengarang Dalam Bidang2 Pelajaran Sekolah2 Melayu dan Kesusasteraan di Kalangan Orang Ramai*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 33.

<sup>7</sup> Abdullah Sanusi Ahmad, 1966. *Peranan Pejabat Karang Mengarang Dalam Bidang2 Pelajaran Sekolah2 Melayu dan Kesusasteraan di Kalangan Orang Ramai*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 50.

<sup>8</sup> Chendera Mata Maktab Perguruan Sultan Idris, Bil. 50, Dis. 1958, hlm. 3.

<sup>9</sup> Chendera Mata Maktab Perguruan Sultan Idris, Bil. 18, Apr. 1932, hlm. 87.

**Raja Ahmad Shalaby Raja Hassan, Rusliza Yaacob,  
Siti Sumaizan Ramli & Noriha Muhammad**

---

<sup>10</sup> Biodata Za'ba dibincangkan dengan detail oleh Adnan Nawang dalam *Za'ba Patriot dan Pendeta Melayu*, Kuala Lumpur: Yayasan Penataran Ilmu, 1994; *Memoir Za'ba*, Kuala Lumpur: Universiti Pendidikan Sultan Idris, 1994 dan *Za'ba dan Melayu*, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2007. Lihat juga Abdullah Hussain dan Khalid Hussain, *Pendita Za'ba Dalam Kenangan*, Kuala Lumpur dan Pustaka, 1974 dan Salim Haji Taib & Mahaya Mohd Yassin dalam *Karisma PEN: Biografi Penulis Negeri Sembilan*. Seremban: Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus dan Persatuan Penulis Negeri Sembilan (PEN), 2005, hlm. 227.

<sup>11</sup> Beliau berkhidmat selama 10 tahun (1931-1941), setelah PKM ditutup pada tahun 1941 akibat Perang Dunia Kedua. Beliau kemudian menjadi Ketua Penterjemah Melayu di Dewan Bahasa dan Pustaka.

<sup>12</sup> Beliau dilahirkan pada 28.5.1929 di Jelebu, Negeri Sembilan. Mendapat pendidikan di Sekolah Melayu Dato' Bandar Rasah, Seremban, kemudian di Sekolah Arab Al-Masyhur, Pulau Pinang dan Sekolah Arab Al-Huda, Pulau Pinang sebelum memasuki SITC pada tahun 1940-an. Selepas itu beliau menjadi penterjemah di SITC sehingga tahun 1954 apabila bertugas di Radio Malaya di Singapura. Beliau menjadi penulis skrip drama radio dan televisyen, novel dan pengalaman. Novel terkenalnya *Chincin Rahsia* (1953), *Tiga Bulan di Kanada* (1969) dan *Melawat Kota Malaikat* (1970). Lihat Salim Haji Taib & Mahaya Mohd Yassin dalam *Karisma PEN: Biografi Penulis Negeri Sembilan*. Seremban: Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus dan Persatuan Penulis Negeri Sembilan (PEN), 2005, hlm. 149.

<sup>13</sup> Abdullah Sanusi Ahmad, 1966. *Peranan Pejabat Karang Mengarang Dalam Bidang2 Pelajaran Sekolah2 Melayu dan Kesusasteraan di Kalangan Orang Ramai*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 23.

<sup>14</sup> Paper on Sultan Idris Training College for the Imperial Conference on Education, SP. 176/16/1. Dokumen ini adalah salinan daripada dokumen asal dari Arkib Negara Malaysia yang diperolehi dari London. Perkara yang dibincangkan dalam kertas kerja ini ialah berkaitan dengan Sultan Idris Training College (Photo of College), Diagram of School Garden, Summary of Instructions to Malay Teachers on Rural Science dan School Gardens, Regulations for Agricultural Department (Proposed Rules).

<sup>15</sup> Untuk keterangan lanjut, sila baca Abdul Halim Ali "Sejarah Badan Penterjemah Pejabat Karang Mengarang" dalam Abdullah Hassan (et al.) (2008), kompilasi kertas kerja Persidangan Penterjemahan Antarabangsa Ke-11: Membina Kepustakaan Dalam Bahasa Melayu, Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad, h. 414-422. Lihat juga Abu Bakar Nordin, Mohd Nazari Abd. Hamid dan Radzuan Abd. Kadir, 2001. *Meniti Zaman SITC-MPSI-IPSI-UPSI*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara Books Sdn. Bhd., hlm. 66-80.

<sup>16</sup> Md Sidin Ahmad Ishak (2005), *Perkembangan Sastera Kanak-kanak di Malaysia: Buku Melayu Mencarai Nafas Baru*, Kuala Lumpur: Cerdik Publications Sdn Bhd., hlm. 47.

<sup>17</sup> Akhbar ini mula diterbitkan pada bulan Ogos 1914, sebagai versi Melayu akhbar Inggeris iaitu *Malay Tribune*. Akhbar ini dianggap sebagai akhbar harian yang mula-mula sekali menggunakan bahasa Melayu. Eunus Abdullah menjadi ketua pengarang sehingga pengeluarannya tamat dalam bulan Disember 1931. Lihat William R. Roff, *Sejarah Surat2 Khabar Melayu*, Pulau Pinang: Saudara Sinaran Berhad, 1967, hlm. 25-27.

**Raja Ahmad Shalaby Raja Hassan, Rusliza Yaacob,  
Siti Sumaizan Ramli & Noriha Muhammad**

---

<sup>18</sup> Akhbar ini kepunyaan Dato' Onn bin Jaafar yang menjadi wartawan dari 1930 hingga 1933 dan mempunyai pengaruh yang besar ke atasnya. *Warta Malaya* mengandungi 10 atau 12 muka surat dan mula diterbitkan dari 1 Januari 1930 hingga Perang Dunia meletus. Ia satu keluaran yang tinggi mutunya dan memberi laporan yang baik tentang berita-berita antarabangsa. Lihat Roff, W. R. *Sejarah Surat2 Khabar Melayu*, Pulau Pinang: Saudara Sinaran Berhad, 1967, hlm. 33.

<sup>19</sup> Akhbar *Majlis* ini lebih bersemangat dan bersifat lebih terus terang yang diterbitkan di Kuala Lumpur di bawah pimpinan Abdul Rahim Kajai (1930-1935) dan kemudian Othman Kalam (1935-1939) dan Ibrahim Haji Yaacob (1939-1941). William R. Roff, *Sejarah Surat2 Khabar Melayu*, Pulau Pinang: Saudara Sinaran Berhad, 1967, hlm. 34.

<sup>20</sup> Ahmad Boestamam, *Memoir Seorang Penulis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979, h. 2. Ahmad Boestamam dilahirkan di Behrang Ulu, Tanjong Malim, Perak pada tahun 1920. Abang iparnya bernama Mohammad Shariff bin Fakih Ibrahim merupakan seorang guru sekolah Melayu lulusan SITC, yang menyimpan majalah *Chendera Mata* lama di rumahnya. Majalah ini amat gemar dibaca oleh Ahmad Boestamam.

<sup>21</sup> Ahmad Boestamam, *Memoir Seorang Penulis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979, hlm. 3.

<sup>22</sup> Syarahan Umum yang pertama kali diadakan di SITC pada 26.12.1923. Syarahan yang bertajuk "Hikayat Nabi Sulaiman" disampaikan oleh Cikgu Ibrahim Dato' Muda Linggi diadakan di Dewan Besar SITC serta dihadiri oleh kakitangan SITC dan murid-murid. Lihat *Principal's Diary Sultan Idris Training College 1922-1950*, bertarikh 26.12.1923.

<sup>23</sup> Hadiah Cikgu Abdul Jalil merupakan hadiah bisiswa yang dikumpul daripada yuran penuntut dan bantuan wang dari kerajaan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Biasiswa yang bernilai \$250 ini diberi kepada seorang penuntut tahun 3 yang cemerlang dalam peperiksaan akhir tahun. Pemberian biasiswa ini dihentikan apabila Perang Dunia Kedua meletus pada 1942. Cikgu Haji Abdul Jalil bin Abdullah, 1873-, berasal dari Kampung Gelam, Singapura. Beliau berusaha bersungguh-sungguh untuk memajukan MTC. Beliau dianggap sebagai "bapa" kepada penuntut maktab ini dan penasihat utama.